

19 Ogos 2026

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA UMUM PELANTIKAN DATUK NUR ISKANDAR A. SAMAD SEBAGAI PENERUSI BARU

Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Datuk Nur Iskandar A. Samad sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah baharu, berkuat kuasa 18 Ogos 2026.

Pelantikan tersebut susulan keputusan Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman untuk melepaskan jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah IR Malaysia, berkuat kuasa 4 Ogos 2026.

Keputusan Dato' Sri Syed Saleh itu dibuat atas faktor keadaan kesihatan beliau serta nasihat perubatan agar beliau diberikan masa dan ruang yang sewajarnya untuk memberi tumpuan kepada proses pemulihan dan kesejahteraan diri. Lembaga Pemegang Amanah IR Malaysia telah menerima keputusan tersebut.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Pengerusi, Dato' Sri Syed Saleh telah berkhidmat untuk IR Malaysia dengan penuh dedikasi, profesionalisme dan rasa tanggungjawab yang tinggi. Kepimpinan, bimbingan serta komitmen beliau terhadap misi kemanusiaan IR Malaysia amat dihargai oleh Lembaga Pemegang Amanah dan pihak Pengurusan.

Datuk Nur Iskandar membawa pengalaman lebih 40 tahun dalam industri minyak, gas dan petrokimia, termasuk memegang pelbagai jawatan kepimpinan kanan di PETRONAS, syarikat minyak dan gas nasional Malaysia. Beliau turut pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Vantris Energy Berhad (dahulunya dikenali sebagai Sapura Energy Berhad), sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, dari tahun 2023 hingga 2025. Antara bidang kepakaran utama beliau termasuk pengurusan projek, operasi pembuatan dan pembangunan kepimpinan.

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Kimia dari University of Leeds, United Kingdom. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Industry Advisory Council di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP).

Datuk Nur Iskandar telah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah IR Malaysia sejak 2022. Malah, sebelum menyertai Lembaga Pemegang Amanah, beliau telah lama menjadi penyokong kuat IR Malaysia dan menjayakan misi-misi kemanusiaannya bersama IR Malaysia. Pengetahuan beliau yang mendalam mengenai organisasi, digabungkan dengan pengalaman luas dalam bidang kepimpinan dan korporat, akan memberikan panduan yang bernilai dalam usaha IR Malaysia untuk terus memperkukuh impak kemanusiaan serta tadbir urus organisasi.

Lembaga Pemegang Amanah dan pihak Pengurusan IR Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman atas khidmat bakti, kepimpinan dan sumbangan besar beliau kepada organisasi. Kami mendoakan agar beliau terus diberikan kesembuhan, kesihatan yang baik dan kesejahteraan dalam menjalani kehidupan mendatang.

Dalam pada itu, IR Malaysia mengalu-alukan pelantikan Datuk Nur Iskandar A. Samad sebagai Pengerusi baharu dan menantikan kepimpinan serta bimbingan beliau dalam usaha IR Malaysia untuk terus memperkukuh misi kemanusiaan serta komitmen terhadap tadbir urus yang baik, akauntabiliti dan integriti.

IR Malaysia kekal teguh dalam melaksanakan amanah kemanusiaannya dan berkhidmat kepada komuniti yang memerlukan dengan penuh ihsan, amanah dan tanggungjawab.

Islamic Relief Malaysia

18 Ogos 2026

-TAMAT-

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu ratusan juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan pembangunan terbesar di dunia.

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di 019-220 1788 atau e-mel ke Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my

Mengenai Islamic Relief Malaysia

Islamic Relief Malaysia ditubuhkan pada 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di Rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di www.islamic-relief.org.my atau menghubungi talian +603-8926 3434.